

## BAB 2

### TINJAUAN KARYA BERKAITAN

Ma (1978) berpendapat bahawa sebelum kita memastikan apakah dia peribahasa bahasa Cina, kita harus membicarakan peribahasa bahasa lain dengan pandangan yang lebih tepat. Menurut beliau, peribahasa setiap bahasa tidak seharusnya sama. Istilah “phrase” dalam bahasa Inggeris tidak semestinya sama dengan Chengyu dalam bahasa Cina. Apa yang dimaksudkan “peribahasa” dalam bahasa Inggeris adalah hampir sama dengan “ungkapan tetap” dalam bahasa Cina. Pengertian “phrase” ini adalah lebih luas daripada apa yang dimaksudkan Chengyu dalam bahasa Cina.

Walaupun demikian, Shi(1979) mempunyai pandangan yang berlainan. Beliau berpendapat bahawa walaupun peribahasa setiap jenis bahasa dibentuk dan digunakan dengan cara yang berlainan, mereka tetap memiliki ciri-ciri yang sama.

Dalam perbincangan tentang *Malay Proverbs*, Winstedt (1981) telah mengaitkan *Malay Sayings* dengan peribahasa bahasa Cina, menurut beliau,

*" The term 'proverbs' as applied to Malay sayings must then be interpreted liberally. Humphreys, quoting Webster's Dictionary, defines the proverbs as 'an old and common saying: a phrase which is often repeated; especially a sentence which briefly and forcibly expresses some practical truth, or the result of experience and observation; a maxim; a saw; an adage'. The term is, in other words, very close to what the Chinese call shuyu (familiar expressions) which includes yanyu (proverbs proper), chengyu (idioms) and suyü (popular or common expressions). (m.s. II)*

Yap (1997) telah mengkaji perkaitan peribahasa bahasa-bahasa yang berlainan dengan lebih mendalam. Menurut beliau, peribahasa adalah sebahagian daripada setiap

bahasa. Misalnya, Chengyu boleh memperindah bahasa Cina, khasnya dalam percakapan kantonis, banyak Chengyu telah digunakan. Dalam bahasa Inggeris pula, peribahasa atau *proverbs* adalah luas digunakan. Hakikat ini jelas diketahui oleh mereka yang mahir dalam bahasa Inggeris.

Ma (1978), Shi (1979), Xiang (1982) dan Sun (1996) telah mengkaji secara terperinci mengenai asal usul peribahasa bahasa Cina atau Chengyu. Menurut mereka, Chengyu berasal daripada sumber-sumber yang berikut:

- i. Rakyat jelata yang mencipta Chengyu melalui pengalaman hidupnya yang bersangkutan-paut erat dengan alam sekeliling dan juga perlakuan manusia.
- ii. Diperoleh daripada orang bijak pandai lagi arif, yang mengeluarkan ungkapan kata-kata hasil daripada pemerhatian dan renungan berdasarkan pengalamannya.
- iii. Berdasarkan kutipan daripada timbunan buku catatan sejarah negara China.
- iv. Berdasarkan sastera China klasik yang kaya.
- v. Berdasarkan dongeng ibarat yang menarik, dan
- vi. Daripada bahasa asing.

Menurut Luo (1985), kita biasanya menggunakan Chengyu yang ringkas tetapi jelas maknanya dalam penulisan dan percakapan tanpa menyedari kekerapannya. Penggunaan Chengyu dalam penulisan dapat menguatkan perasaan, menjadikan ayat-ayat lebih ringkas dan menarik.

Wu & Shun (1985) berpendapat bahawa Chengyu ialah berlian yang gilang-gemilang dalam khazanah perbendaharaan bahasa Cina moden. Oleh sebab Chengyu mempunyai ciri-ciri yang tersendiri, iaitu mempunyai corak yang teratur, nada yang harmoni dan maksud yang khusus, menggunakan Chengyu dengan tepat dan sesuai akan menghasilkan kesan yang baik. Akan tetapi, ada antara kita yang gagal memastikan asal usul sesuatu Chengyu, dan seterusnya tidak dapat menguasainya. Akibatnya, timbulah penyalahgunaan Chengyu dan kadangkala menjadi ejekan orang.

Yuan & Rong (1986) juga mempunyai pandangan yang sama. Menurut mereka, jika Chengyu digunakan dengan betul, ianya dapat menghasilkan ucapan yang menarik dan dapat menggalakkan seseorang merenung. Sebaliknya, jika disalahgunakan, ianya akan menjadi aneh dan pelik, dan mungkin menimbulkan tafsiran yang salah.

Jiang (1997) pula berkata bahawa Chengyu ialah satu cabang linguistik. Struktur atau bentuk susunan perkataannya adalah tetap dan tidak boleh diubah sesuka hati. Menurut beliau, akhir-akhir ini didapati Chengyu sentiasa disalahgunakan atau digunakan dengan mengubah struktur dengan sewenang-wenangnya. Beliau menganggap keadaan sedemikian satu fenomena yang tidak normal dan kurang sihat.

Pendapat dan pandangan tadi telah mengingatkan kita supaya berjaga-berjaga dan berhati-berhati semasa menggunakan Chengyu dalam percakapan dan penulisan harian. Untuk membolehkan murid-murid menggunakan Chengyu dengan betul dan tepat, guru-guru sekolah haruslah merancang pengajaran dan pembelajaran Chengyu secara rapi dan menyeluruh.

Pakar-pakar bahasa Melayu memang telah pun mengambil berat terhadap perkembangan pelbagai aspek bahasa Melayu (Tng, 1996). Dalam perbincangan Koh (1989) mengenai pengajaran peribahasa Melayu, beliau berpendapat bahawa pengajaran peribahasa seringkali dianggap sebagai satu aspek Bahasa Melayu yang berasingan dan jarang digabungkan secara teliti dengan aspek Bahasa Melayu yang lain. Beliau seterusnya mencadangkan bahawa pengajaran peribahasa Melayu akan menjadi lebih berkesan sekiranya guru bahasa sendiri mengetahui ciri-ciri unik peribahasa dengan mendalam dan dapat menggunakan pendekatan kontekstual untuk menjadikannya lebih bermakna serta menggabungkan pelajaran dengan aspek-aspek lisan dan penulisan.

Reeves (1975) mendapati bahawa murid-murid mampu menghafal banyak peribahasa, tetapi tidak dapat menggunakan peribahasa dengan sewajarnya dalam percakapan dan penulisan. Ini disebabkan kekurangan pengalaman untuk menggunakan peribahasa mengikut konteks di kalangan pelajar.

Pandangan Howard (1987) telah menyokong pendapat Reeves sepenuhnya. Beliau juga dapati bahawa murid-murid telah menghafal sebilangan besar peribahasa tetapi tidak mempunyai keyakinan diri untuk menggunakannya. Akibatnya, mereka tidak lagi berminat untuk mempelajari peribahasa. Howard juga menegaskan kepentingan menggunakan peribahasa mengikut konteks.

Quigle & Vamarasi (1994) telah mencadangkan pengajaran peribahasa dengan menggunakan tabloid. Tabloid ialah suratkhbar bergambar yang mengandungi berita mengemparkan. Mereka dapati bahawa murid-murid biasanya meminati bahan bacaan yang sedemikian. Menurut mereka, guru boleh membekalkan murid dengan petikan daripada tabloid dan meminta murid membaca sambil menggariskan setiap

peribahasa dalam petikan. Murid kemudian digalakkan menelaah maksud peribahasa berpandukan konteksnya. Setelah mengadakan perbincangan antara guru dengan murid, dan maksud sebenar peribahasa-peribahasa difahamkan, murid-murid disuruh menulis semula petikan dengan menggunakan perkataan sendiri.

Kalau bahasa diibaratkan siput, maka peribahasa bagaikan mutiaranya. Siput memang mudah didapati tetapi tidak mudah untuk mendapatkan mutiara (Sun, 1996). Pengkaji berharap dengan usaha guru yang serius dalam merancang dan mengendalikan pengajaran dan pembelajaran Chengyu yang berkesan, ditambah pula dengan usaha penerbit dan pengarang yang membekal dan menggubal buku-buku yang bermutu, tahap penguasaan murid terhadap Chengyu akan meningkat dan mencapai kejayaan yang cemerlang, dan mutiara juga akan terus bersinar.